

# CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Bil. 60 Tahun 5

Disember 1998

ISSN 0128-8431

## Berhati-hati Membeli Secara Lambak

Pengguna yang membeli barangan jualan lambak dinasihatkan supaya lebih berhati-hati dan tidak mudah terpedaya dengan taktik beberapa syarikat yang menjual pelbagai jenis barangan secara lambak dengan harga yang murah.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) telah mengesan kegiatan menjual secara lambak itu pada awal tahun ini di pasar malam dan pasar sehari.

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' Seri Megat Junid Megat Ayob, "mereka [penjual] ini biasanya mengambil barang-barang yang tidak laris di



YB. Dato' Seri Megat Junid Megat Ayob

pasaran dan membawa ke kawasan tertentu, terutamanya di luar bandar dan kemudian dijual secara barang lambakan kononnya, murah. Syarikat ini menjual barang dan merayau di banyak tempat. Ianya bukan dalam bentuk jualan gudang."

S e m a s a m e n d e d a h k a n

kegiatan peniaga barang lambak baru-baru ini, beliau berkata bahawa Kerajaan akan menggubal undang-undang bagi mengawal kegiatan penjualan barang-barang yang tidak berkualiti kepada pengguna dengan harga yang tinggi secara lambak.

Sementara itu, pengguna yang berasa tertipu dengan pembelian barang lambak boleh mengadu kepada Bahagian Penguatkuasa KPDN & HEP serta-merta. - WC

## PERTUKARAN ALAMAT

Ini pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah berpindah dari Menara Maybank, Kuala Lumpur ke Tingkat 27, 31, 32 dan 33, Menara Dayabumi, Jalan Sultan Hishamuddin, 50623 Kuala Lumpur mulai bulan November ini. Bahagian-bahagian yang terlibat ialah Pejabat Menteri, Pejabat Timbalan Menteri, Pejabat Setiausaha Parlimen, Pejabat-pejabat Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Setiausaha, Bahagian Hal Ehwal Pengguna, Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Bahagian Harta Intelek, Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Pengurusan Am, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Kewangan, Pejabat Penasihat Undang-undang, Pegawai Perhubungan Awam dan Unit Audit Dalam. Nombor telefon baru ialah (03) 2742100. No. Faks: (03) 2745260.

## HARGA RUNCIT DICETAK ATAS BARANG TEMPATAN

Pengguna yang membeli barang buatan Malaysia dapat mengetahui harga runcit yang disyorkan oleh pengilang semasa membeli sesuatu barang.


Menurut Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' S. Subramaniam, Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) telah bersetuju memaparkan harga runcit yang disyorkan di atas barang buatan Malaysia yang hanya menggunakan kandungan tempatan. Langkah tersebut bertujuan mengelakkan amalan mencatut oleh peruncit dan peniaga.



YB. Dato' S. Subramaniam

Walau bagaimanapun, percetakan harga di atas bungkusan oleh FMM akan dibuat secara berperingkat-peringkat kerana melibatkan faktor-faktor seperti kos tinggi dalam mencetak harga. - WC





**K**ita sekarang berada di penghujung tahun 1998. Setahun lagi sudah berlalu. Setahun lagi telah kita tempuhi sebagai pengguna.

Ada pengguna yang mendapati pendapatan mereka sudah menurun. Justeru itu, kuasa beli mereka sebagai pengguna juga telah berkurangan. Pengguna yang telah sekian lama mengutamakan barangan import mendapati bahawa mereka sudah kurang kemampuan untuk membeli barang import kerana harga barang-barang import sudah melonjak naik.

Golongan pengguna ini 'terpaksa' menggunakan barangan dan perkhidmatan. Namun demikian, golongan pengguna yang mampu membeli barang import juga digalakkan mengutamakan barangan tempatan. Ramai pengguna yang kini lebih yakin tentang kualiti dan standard barang tempatan. Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia telah digerakkan semula untuk menggalakkan pengguna menggunakan Barangan Buatan Malaysia. Pengguna perlu ingat bahawa wang yang mereka belanjakan untuk membeli barangan tempatan masih beredar dalam negara.

Ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bersekolah tentulah perlu membelanjakan wang

pada penghujung tahun untuk membuat persediaan bagi anak-anak mereka kembali ke sekolah. Kasut sekolah, beg, alatulis dan sebagainya perlu disediakan. Pengguna perlulah mengamalkan sikap berjimat-cermat ketika berbelanja. Sekiranya beg-beg, kasut dan pakaian sekolah yang lama masih elok, maka ia harus digunakan. Tahun persekolahan yang baru tidak bermakna semua pakaian dan beg baru perlu dibeli. Sekiranya ada pakaian dan alatulis baru perlu dibeli, bandingkan harga antara kedai-kedai dan supermarket. Jangan terpengaruh dengan iklan-iklan hebat yang mempromosikan jenama-jenama atau kedai-kedai tertentu. Jangan terikut-ikut dengan kemahuan anak-anak yang mahukan barang-barang tertentu semata-mata kerana mereka mementingkan jenama tertentu. Beli ikut kemampuan.

Pengguna yang menyambut Hari Krismas pada 25 Disember juga perlu berhati-hati dalam melakukan perbelanjaan. Dapatkan nilai terbaik untuk wang anda. Sambutlah perayaan secara sederhana.

Marilah kita semua sebagai pengguna memperbaharui azam untuk menjadi pengguna yang lebih baik pada tahun akan datang.

*Sidang Pengarang*

## PERTUKARAN KSU



**Dato' Mohamad Noor  
Abdul Rahim**

Pertukaran Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP), Y.Bhg. Dato' Mohamad Noor Abdul Rahim telah bertukar ke Kementerian Dalam Negeri sebagai KSU mulai 16 Disember ini. Terima kasih di atas kepimpinan Y.Bhg. Dato' selama menerajui KPDN & HEP.

Sementara itu, Dato' Pahamin Rajab, bekas Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan akan mengambilalih tugas sebagai KSU baru KPDN & HEP. Selamat Datang Y.Bhg. Dato' Pahamin Rajab.



**Dato' Pahamin Rajab**

### Penasihat

YB. Dato' Seri Megat Junid Megat Ayob  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

## Sidang Redaksi

### Ketua Pengarang

Y.Bhg. Dato' Mohamad Noor Abdul Rahim

### Penasihat Pengarang

Prof. Dato' Dr. Sothi Rachagan  
Prof. Mohd Hamdan Adnan

### Pengarang

Encik Khairuddin Hj. Mohd Sari  
Encik Zulkipli Abu Bakar

### Penolong Pengarang

Encik Abdul Rauf Sani  
Puan P. Jayanthi

Pengedar: FOMCA

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang  
Warta CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna,  
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,  
Tingkat 32, Menara Dayabumi,  
Jalan Sultan Hishamuddin,  
Kuala Lumpur  
Tel: 03-2742100  
Fax: 03-2747628



## SEPINTAS LALU

## Kedudukan Ekonomi Negara Sekarang

Simpanan luar negara setakat bulan Oktober 1998	<b>USD 24.5 bilion</b> (RM 89 bilion)
Lebihan dagangan (jumlah dari Januari-Oktober 1998) Tempoh yang sama tahun 1997	<b>RM 44.5 bilion</b> (defisit RM 1.7 bilion)
Eksport bulan Oktober 1998 meningkat 18.5 % kepada	<b>RM 25.534 bilion</b>
Import bulan Oktober 1998 menurun 12.8 % kepada	<b>RM 18.912 bilion</b>
Lebihan dagangan bulan Oktober sahaja	<b>RM 6.6 bilion</b>
Dari Januari hingga Oktober 1998, eksport meningkat	<b>34.3 %</b>
Jumlah eksport dari Januari hingga Oktober	<b>RM 236.9 bilion</b>
Dari Januari hingga Oktober 1998, import meningkat	<b>8.0 %</b>
Jumlah import dari Januari hingga Oktober	<b>RM192 bilion</b>

**Nota:** Walaupun dari mata kasarnya, jumlah import dalam matawang Ringgit Malaysia ternampak satu peningkatan kecil, tetapi pada hakikatnya kita telah banyak mengurangkan pembayaran import; sekiranya dinilai dalam matawang Dolar Amerika Syarikat.

Dalam nilai matawang Dolar Amerika Syarikat yang telah meningkat nilainya melebihi 50 % berbanding Ringgit Malaysia, sejak tahun 1997, sebenarnya kuantiti import kita berkurangan dalam lingkungan 42 %, iaitu peningkatan kadar nilai matawang USD

ditolak peratus peningkatan import yang diukur dalam nilai Ringgit Malaysia. Dengan ini, walaupun nampak zahirnya jumlah import dalam Ringgit Malaysia meningkat, tetapi peningkatan itu adalah disebabkan oleh nilai Ringgit yang telah jauh berkurangan.

**Kita sepatutnya berbangga dengan barang dan perkhidmatan tempatan dan elakkan daripada membeli barang import. Kita telah buktikannya melalui angka-angka di atas bahawa kita rakyat Malaysia sebenarnya tidak memerlukan barang yang diimport.**



YB. Datuk Tan Chai Ho

*"Pengguna perlu yakin dengan kualiti barang buatan Malaysia. Hanya sokongan padu daripada semua rakyat Malaysia dapat menjayakan Kempen Beli Barang Buatan Malaysia."*

**YB. Datuk Tan Chai Ho, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.**





Pengaruh jenama memainkan peranan yang amat penting dalam mencorak perbelanjaan harian pengguna. Dalam hal ini, golongan remaja dikatakan mudah terpengaruh dengan pemakaian sesuatu jenama. Apabila sesuatu jenama terkenal berada di pasaran, para remaja akan membelinya dan apabila ia menjadi ikutan ramai, maka terbentuklah budaya mengagungkan sesuatu jenama itu. Ramai remaja ingin memiliki seluar jeans, kemeja, t-shirt, jam tangan dan kasut berjenama. Antara jenama yang sering menjadi tumpuan remaja, termasuklah *Calvin Klein*, *Donna Karan New York (DKNY)*, *Giorgio Armani*, *Guess* dan sebagainya.

*Iklan juga memainkan peranan dalam mempengaruhi remaja-remaja membeli jenama-jenama terkenal dan mahal. Iklan-iklan berjenama ini pada kebiasaannya menampilkan gaya hidup yang menarik*

# REMAJA

# DAN PENGARUH JENAMA

Remaja dikatakan sanggup membelanjakan wang tanpa memikirkan kesannya. Pemberian wang berlebihan kepada remaja, selain daripada mendidik para remaja ke arah gejala yang tidak sihat, juga turut memanjakan anak-anak dan memberikan kebebasan yang melampau kepada anak-anak mereka.

Soalnya ialah had kebebasan perbelanjaan di kalangan anak-anak perlu diberi perhatian. Di sini, peranan ibu bapa adalah amat penting. Ibu bapa harus sedar tentang setiap sen yang dibelanjakan dan diberikan kepada anak-anak mereka. Tegasnya, pendidikan asas kepenggunaan harus dipraktikkan.

Dalam pada itu, aspek pengaruh rakan sebaya turut



*Para remaja tidak harus mudah terpengaruh dengan iklan-iklan yang berjenama sahaja ketika berbelanja. Utamakanlah dari segi keperluan dan kemampuan masing-masing.*





**Lazimnya, apa yang dilakukan oleh remaja akan diikuti oleh remaja yang lain. Oleh itu, para remaja perlu dibekal dan dibimbing dengan pengetahuan dan pendidikan pengguna yang secukupnya.**

memainkan peranan penting. Selain ibu bapa, orang yang paling dekat dengan remaja ialah rakan sebaya mereka. Apa yang dilakukan oleh rakan remaja akan diikuti oleh remaja yang lain. Memandangkan pengaruh rakan sebaya amat kuat dalam mencorakkan perbelanjaan harian remaja berkenaan, ibu bapa seharusnya membuat pengawasan terhadap anak-anak mereka dalam soal perbelanjaan harian.

Dalam pada itu, gejala terlalu mementingkan sesuatu jenama juga mempunyai kaitan rapat dengan sistem pendidikan di negara kita. Didapati sistem pendidikan kita tidak menitikberatkan elemen kepenggunaan secara serius.

Umpamanya, pada masa sekarang, tiada mata pelajaran khusus tentang kepenggunaan.

umur seseorang, pendidikan kepenggunaan perlu bergerak seiring. Pendidikan kepenggunaan harus diberi ruang dalam sistem pendidikan negara kita.

Iklan juga memainkan peranan dalam mempengaruhi remaja supaya membeli jenama-jenama terkenal dan mahal. Iklan-iklan berjenama ini biasanya menampilkan gaya hidup yang menarik. Iklan sebegini sebenarnya amat berjaya menarik remaja membeli barangan berjenama berkenaan. Disebabkan iklan mempunyai daya penarik, golongan remaja mudah terpengaruh untuk membeli barangan yang berjenama mahal walaupun barangan itu bukan merupakan satu keperluan.

Oleh itu, untuk membendung gejala ini, iklan-iklan juga seharusnya dapat mendidik pengguna dan bukan hanya memikirkan untuk mengaut keuntungan berlebihan.

Secara keseluruhannya, aspek pengaruh jenama di kalangan pengguna harus diberi perhatian dari peringkat awal perkembangan anak-anak. Dalam hal ini, ibu bapa harus memainkan peranan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, untuk mencapai hasrat ini, semua pihak perlu berganding bahu merealisasikannya.

Perlu ditekankan di sini bahawa kebebasan, keunggulan, gaya dan mutu hanyalah kualiti atau sifat barang-barang berkenaan dan bukannya sifat pemakainya. Jangan terkeliru dengan iklan. - Wee Lee Ping -

Keahlian kelab-kelab pengguna sekolah juga bukanlah sesuatu yang diwajibkan. Hanya para pelajar yang berminat akan menyertainya dan oleh itu, hanya sebilangan kecil pelajar yang mendalami pengetahuan dalam kepenggunaan ini.

Justeru itu, untuk memastikan aspek kepenggunaan dipupuk dari peringkat awal

***Secara keseluruhannya, aspek pengaruh jenama di kalangan pengguna harus diberi perhatian dari peringkat awal perkembangan anak-anak. Dalam hal ini, ibu bapa harus memainkan peranan yang sewajarnya***



## Kembali Ke Sekolah

**B**ulan ini adalah bulan yang paling sibuk bagi ibu bapa yang mempunyai anak-anak di peringkat persekolahan sama ada pra sekolah, sekolah rendah atau sekolah menengah.

Lagi ramai anak, maka lagi sibuklah ibu bapa. Sibuk dari mencari dari sesuatu yang diperlukan atau sibuk memikirkan bagaimana menyesuaikan perbelanjaan untuk memenuhi keperluan anak-anak berkenaan. Semua ini akan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, dengan harapan bahawa satu hari nanti anak-anak mereka berjaya dalam hidup dan anak-anak akan tahu dan sedar betapa getirnya pengorbanan ibu bapa. Anak-anak atau bekas

*Tugas dan tanggungjawab ibu bapa pula, sebagai pengguna yang bijak perlu membuat penilaian mengenai apa yang diperlukan oleh anak-anak.*

anak-anak sepatutnya prihatin terhadap pengorbanan ini.

Tugas dan tanggungjawab ibu bapa pula, sebagai pengguna yang bijak perlu membuat penilaian mengenai apa yang diperlukan oleh anak-anak. Bukan mengikut sangat kehendak anak-anak. Beli ikut keperluan. Bukan menyediakan perkara-perkara yang bukan-bukan. Anak perlu kayu pembaris, maka kita beli kayu pembaris. Bukan beli kayu pembaris yang ada gambar 'Spice Girls' yang sudah semestinya berharga lebih mahal.

Ibu bapa juga perlu membandingkan harga barang-barang keperluan. Sebagai panduan, saya mohon ibu bapa supaya bandingkan harga sesuatu barang itu berasaskan laporan harga yang terdapat di sesuatu pasaraya di mana YB. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna telah melancarkan jualan "Kembali Ke Sekolah" baru-baru ini.

Harga-harga yang terdapat di Pasaraya Superstore Pelancaran **Kembali Ke Sekolah** pada Isnin 7 Disember lalu, adalah seperti berikut:

[Tujuan menerbitkan sebahagian senarai harga ini ialah untuk panduan pengguna sahaja; dengan niat supaya pengguna dapat membuat perbandingan harga sebelum membeli]

Beras (Bernas) 10 kilogram	RM 15.69,
Beras lain ada	RM 22.69
dan ada yang	RM 21.99
Minyak masak (5 kg)	RM 13.69
dan ada	RM 12.79
Sabun Basuh (3 kg)	RM 15.95
Kasut Sekolah	RM 29.90
Kasut Sekolah	RM 22.90
Kasut Sekolah (perempuan)	RM 8.90
Baju Kurung Putih	RM 19.90
Blaus (sekolah rendah)	RM 9.90
Pinafore (menengah)	RM 29.90
Sarung (menengah)	RM 25.90
Kasut (jenama lain)	RM 16.90
Stokin (satu pasang)	RM 5.20
Stokin (jenama lain) 3 x pasang	RM 5.90
Stokin (jenama lain) 5 x pasang	RM 10.90
Air Mineral (1.5 liter)	RM 1.15
Pen (4 batang ballpoint pen)	RM 3.02
6 x batang pensil 2B	RM 2.60
"Extension cord" (5 meter)	RM 19.90

Selamat menjadi pengguna yang bijak berbelanja untuk negara.



**Berhati-hatilah ketika membeli keperluan sekolah anak-anak. Berbelanjalah mengikut keperluan dan kemampuan.**



## Hadiah: Beri dan Terima Secara Ikhlas

Sesama kaum keluarga dan sahabat handai merupakan amalan biasa. Jenis-jenis hadiah yang diberikan bergantung kepada siapa pemberi, siapa penerima, kemampuan pemberi serta yang penting dalam amalan ini ialah memperkukuhkan hubungan silaturrahim antara pemberi dan penerima. Nilai hadiah yang diberikan tidaklah begitu penting tetapi semangat pemberi lebih penting.

Pengguna mempunyai banyak pilihan hadiah yang dijual di pasaraya, hypermarket dan kedai serbaneka. Namun, dengan jumlah pendapatan yang terhad, pengguna perlulah bijak memilih hadiah supaya semua orang yang tersayang menerima hadiah.


Utamakan barangan tempatan. Gunakan kemahiran tawar-menawar anda untuk membeli barang pada harga yang berpatutan. Bungkuslah sendiri hadiah dengan menarik.

Bagi anda yang gemar memasak, anda bolehlah membuat makanan seperti biskut, kek, coklat dan sebagainya. Anda juga boleh membeli makanan (seperti coklat, biskut dan buah-buahan tempatan) secara pukal dan membungkusnya sendiri dalam bakul atau kotak yang menarik.

Selain itu, anda juga boleh membuat bingkai gambar atau bunga-bunga buatan (plastik, kertas, tisu dan sebagainya).

### MEMBUAT BAKUL

- ✓ Potong satu kadbod dalam bentuk bulat.
- ✓ Potong bahagian a, b, c, d sebagaimana yang ditunjukkan.



- ✓ Bentukkan seperti dalam gambar dan lekat dengan menggunakan stapler.
- ✓ Potong sejalur lagi kertas kadbod untuk dijadikan pemegang dan lekatkan.
- ✓ Hiaskan dengan menggunakan riben berwarna.



- dipetik daripada -  
Utusan Pengguna, Disember 1995

## PEWARNA ASLI MAKANAN

Sekiranya anda menyediakan kuih-muih untuk musim perayaan akan datang seperti Krismas atau Hari Raya Aidilfitri, anda bolehlah cuba menggunakan pewarna asli makanan daripada sengkung merah (warna merah) dan daun pandan (warna hijau).



Daun pandan: Pewarna asli makanan yang wajar digunakan menggantikan pewarna asli makanan tiruan.

### Perahan Sengkung Merah

- ➔ Parut sengkung merah. Dapatkan patinya dan tapis.
- ➔ Gunakan hanya sedikit jika inginkan warna kemerah-merahan; lebihkan patinya jika anda ingin mendapatkan warna yang lebih merah.
- ➔ Simpan dalam peti sejuk untuk kegunaan selanjutnya.

### Perahan Daun Pandan

- ➔ Cuci beberapa helai daun pandan, potong kecil-kecil dan tumbuk (atau dikisar dengan sedikit air).
- ➔ Campurkan sedikit air ke dalam adunan yang sudah ditumbuk itu dan dapatkan airnya.
- ➔ Gunakan hanya sedikit untuk mewarna makanan (jika dicampur terlalu banyak mungkin makanan anda terasa pahit).



**No. Telefon/Faks Persatuan Pengguna****Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)**

Tel: 03 - 7762009/7774741

Faks: 03 - 7771076

E-Mail : fomca@po.jaring.my

**Persatuan Pengguna-Pengguna Perlis (CAP)**

Tel: 04 - 9764136

Faks: 04 - 9770788

**Persatuan Pengguna Kedah (CAKE)**

Tel: 04 - 7711645

Faks: 04 - 7711645

**Persatuan Pengguna-Pengguna Perak (PCA)**

Tel: 05 - 2534058

Faks: 05 - 2534058

E-Mail : PCKA@po.jaring.my

**Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan (PPS & PPWP)**

Tel: 03 - 7752005

Faks: 03 - 7757699

**Persatuan Pengguna Melaka (CAM)**

Tel: 06 - 2839718/719

Faks: 06 - 2839711

**Persatuan Pengguna-Pengguna Terengganu (2PTRG)**

Tel: 09 - 6220045

Faks: 09 - 6220045

**Persatuan Pengguna-Pengguna Kelantan (KCA)**

Tel: 09 - 7444828

Faks: 09 - 7479798

**Persatuan Konsumer Negeri Sembilan**

Tel: 06 - 7639473

**Persatuan Pengguna Pahang (PAC)**

Tel: 09 - 5146693 Faks: 09 - 5143307

**Persatuan Pengguna-Pengguna Johor (JCA)**

Tel: 07 - 2222764

**Persatuan Pengguna-Pengguna Sabah (CASH)**

Tel: 088 - 234616

Faks: 088 - 234616

**Persatuan Pengguna Bahagian Kuching (PERPEK)**

Tel: 082 - 684920

**Persatuan Pengguna Negeri Pulau Pinang (CAP)**

Tel: 04 - 2293511

Faks: 04 - 2298106

Disenaraikan nombor telefon Bahagian-bahagian dan Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pejabat-pejabat Penguatkuasa di ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

**Bahagian Penguatkuasa:**

Bilik Gerakan K. Lumpur  
Wilayah Persekutuan K. Lumpur  
Kuala Lumpur (Ibu Pejabat)

03-4436888/03-4437888

03-4423555

03-4433366

**Perlis**

Kangar: 04-9761478

**Kedah**

Alor Star: 04-7339062

Sg. Petani: 04-4213400

Langkawi: 049660420

**Pulau Pinang**

P.Pinang: 04-2616168

Seberang Prai: 04-3317500

**Perak**

Ipoh: 05-2555001

Taiping: 05-8075044

Teluk Intan: 05-6227967

**Selangor**

Shah Alam: 03-5595544

Kajang: 03-8367444

K.Kubu Baru: 03-8042495

**Wilayah Persekutuan**

K.Lumpur: 03-4423555

Labuan: 089-417669

**N. Sembilan**

Seremban: 06-7630911

**Melaka**

Melaka: 06-2820422

**Johor**

Johor Bahru: 07-2234699

Kluang: 07-7736877

Muar: 06-9522709

Mersing: 07-7994211

**Pahang**

Kuantan: 09-556948

Temerloh: 09-2961688

Raub: 09-3551670

**Terengganu**

K. Terengganu: 09-6221234

Kemaman: 09-8591919

**Kelantan**

Kota Bharu: 09-7481117

Kuala Krai: 09-9666368

**Sabah**

K.Kinabalu: 088-235702

Sandakan: 089-668291

Tawau: 089-776690

**Sarawak**

Kuching: 082-245202

Sibu: 084-331931

Miri: 085-412862

Bintulu: 086-332176

**Pejabat-Pejabat Pendaftaran Perniagaan**

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7318277

Butterworth 04-3327793

Ipoh 05-2547913

Kota Bharu 09-7484599

Kuantan 09-553600

K. Terengganu 09-6237170

Johor Bharu 09-2244710

Melaka 06-2821822

**Bahagian Harta Intelek**

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-2742100

Kota Kinabalu 088-233571

Kuching 089-428499

Bhg. Hal Ehwal Pengguna 03-2742100

Bhg. Perdagangan Dalam Negeri 03-2742100

**Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat**

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7330111

P. Pinang 04-3332081

Ipoh 05-2416900

Kuantan 09-553866

Kota Bharu 09-7482860

Kota Kinabalu 088-233346

Kuching 082-428499

Labuan 087-414100

**BELILAH  
BARANGAN  
BUATAN  
MALAYSIA**